



GARIS PANDUAN LAPORAN

**ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH
(AKKS) 2024**

TEMA

“KOPERASI SEKOLAH PEMANGKIN GENERASI MADANI”

TEMPOH PELAKSANAAN

1 OKTOBER 2023 – 31 OGOS 2024

ANJURAN

**UNIT SEKOLAH
SEKSYEN SEKOLAH, IPT DAN BELIA
BAHAGIAN KOPERASI BERSASAR
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI
ANGKASA**

PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

PENGENALAN

Garis panduan **AKKS 2024** ini disediakan sebagai panduan kepada koperasi sekolah untuk melaporkan dan membentangkan aktiviti sepanjang tempoh laporan (**1/10/2023– 31/08/2024**). Laporan yang disediakan adalah dalam bentuk **dokumen** yang ringkas, mudah difahami dan teratur. Laporan ini juga boleh dijadikan sebagai dokumen penting koperasi dan bahan rujukan di sekolah serta panduan untuk anggota lembaga baharu. Penyediaan laporan **AKKS 2024** terbahagi kepada **2 bahagian** iaitu :

Bahagian A

- Maklumat/profil Koperasi sekolah (3%)
- Laporan tahunan Koperasi sekolah (10%)
- Jenis-jenis perniagaan utama Koperasi sekolah (10%)
- Aktiviti koperasi sekolah sepanjang tempoh laporan (20%)
- Sumbangan tabung koperasi sekolah (10%)
- Pengurusan fail kelab koperasi/ keusahawanan sekolah (3%)
- Produk khas koperasi sekolah (**2023-2024**) (4%)
- Pengiktirafan yang diterima Koperasi sekolah (5%)

Bahagian B

- Perayaan/sambutan Hari Koperasi Sekolah (15%)
- Penglibatan koperasi sekolah bersama jaringan perniagaan angkasa (10 %)
- Penglibatan koperasi sekolah dalam program penghijauan malaysia (10%)

PENYERTAAN

Terbuka kepada semua koperasi sekolah di Malaysia sahaja. (koperasi sekolah yang bukan ahli ANGKASA hendaklah melampirkan borang permohonan menjadi ahli ANGKASA bersama – sama borang laporan AKKS 2024 (**USE-AKKS/24**)).

TARIKH CADANGAN DAN TEMA AKKS

- Tarikh pelaksanaan aktiviti: **01 Oktober 2023 – 31 Ogos 2024.**
- Tarikh akhir menghantar laporan: **10 September 2024 (Selasa).**
- Tarikh penilaian laporan (peringkat 1): **18 – 20 September 2024**
- Tarikh penilaian laporan (peringkat 2): **21 – 23 September 2024.**
- Tarikh lawatan pengesahan (peringkat 3): **1 - 18 Oktober 2024.**
- Tarikh peringkat kebangsaan: **13 - 15 Disember 2024.**
- Tema AKKS 2024 ialah “**KOPERASI SEKOLAH PEMANGKIN GENERASI MADANI**”

Nota: Perubahan tarikh, tempat dan format penilaian akhir adalah bergantung kepada perubahan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN A

1.0 MAKLUMAT/PROFAIL KOPERASI (Markah 3%)

Koperasi sekolah dikehendaki menyediakan laporan berdasarkan kreativiti masing-masing. Berikut adalah maklumat yang diperlukan:

- 1.1 **Sejarah ringkas** Koperasi.
- 1.2 **Gambar bangunan koperasi** yang terkini berpandukan posisi berikut:
 - 1.2.1 Sekeping gambar bahagian depan bangunan koperasi.
 - 1.2.2 Sekeping gambar posisi dalam kedai koperasi.
 - 1.2.3 Pelan lokasi bangunan koperasi di sekolah.
- 1.3 **Nombor pendaftaran koperasi** di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan **nombor pendaftaran ahli ANGKASA**.
- 1.4 **Alamat penuh, nombor telefon dan E-mel** koperasi yang terkini.
- 1.5 **Carta Organisasi Koperasi 2024** yang terkini.
- 1.6 **Menyediakan logo, visi, misi, matlamat dan objektif koperasi**.
- 1.7 **Bilangan dan Peratusan keanggotaan koperasi** (murid/pelajar, guru dan kakitangan) dan **bilangan kakitangan koperasi** (jika ada).

2.0 LAPORAN TAHUNAN KOPERASI SEKOLAH 2020 - 2024 (Markah 10%)

2.1 Laporan Kewangan Tahunan Koperasi

Koperasi perlu menyediakan dalam bentuk infografik **carta pie atau graf** berkaitan ringkasan maklumat kewangan koperasi yang teraudit bagi tempoh **4 tahun** (2020 – 2023). Maklumat yang perlu adalah seperti dibawah dan disusun mengikut kreativiti masing-masing:

- a. Tahun Kewangan Berakhir (Contoh 31 Disember 2023),
- b. Jumlah Perolehan Koperasi,
- c. Jumlah Keuntungan Bersih Koperasi,
- d. Jumlah Modal Saham dan pecahan saham mengikut guru dan murid,
- e. Jumlah Keuntungan Terkumpul.

2.2 Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)

Laporan yang disediakan perlu memaparkan bukti pelaksanaan aktiviti Mesyuarat Agung Tahunan yang telah dijalankan. Perkara yang perlu dipaparkan dalam laporan adalah seperti berikut:

- a. Tarikh,
- b. Masa,
- c. Tempat,
- d. Gambar.

2.3 Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

Mesyuarat Anggota Lembaga hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **empat (4) kali dalam tempoh setahun** mengikut Akta Koperasi 1993. Oleh itu, Laporan yang disediakan hendaklah memaparkan maklumat-maklumat seperti berikut:

- a. Tarikh,
- b. Masa,
- c. Tempat,
- d. Gambar.

Laporan yang disediakan adalah mengikut susunan dan kreativiti koperasi masing-masing. Koperasi **tidak perlu** menghantar salinan Penyata Kewangan Teraudit, Minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Minit Mesyuarat Lembaga.

3.0 PERNIAGAAN UTAMA KOPERASI SEKOLAH (Markah 10%)

Laporan yang disediakan hendaklah memaparkan maklumat aktiviti perniagaan yang menjana pendapatan utama kepada koperasi sekolah. Contoh perniagaan utama adalah kedai koperasi/coopmart, kios, perkhidmatan fotostat, sewaan jubah, EBB bank, dobi, loker, parkir, pertanian dan lain lain. Maklumat yang dikehendaki bagi setiap aktiviti perniagaan adalah seperti berikut:

- 3.1** 5 Aktiviti perniagaan utama bagi tahun 2024,
- 3.2** Jumlah perolehan setiap jenis perniagaan utama,
- 3.3** Jumlah untung bersih setiap jenis perniagaan utama (akaun projek),
- 3.4** Gambar-gambar setiap aktiviti perniagaan utama,
- 3.5** Perniagaan baharu pada tahun 2024 yang telah dijalankan berserta gambar perniagaan berkenaan.

Laporan yang disediakan hendaklah disusun dengan kemas, teratur, mudah difahami dan disusun mengikut kreativiti koperasi sekolah masing-masing.

4.0 AKTIVITI-AKTIVITI KOPERASI SEPANJANG TAHUN (Markah 20%)

Koperasi sekolah dikehendaki untuk melaporkan aktiviti-aktiviti sampingan yang telah dilaksanakan **mengikut tempoh pelaksanaan AKKS 2024** aktiviti seperti yang dinyatakan diatas. Laporan yang disediakan perlu dibahagi kepada 3 aktiviti utama iaitu:

4.1 Aktiviti pendidikan seperti kursus koperasi, seminar koperasi, bengkel koperasi, kuiz koperasi dan lain-lain yang dianjurkan oleh agensi atau koperasi sekolah.

4.2 Aktiviti Ekonomi/Keusahawanan seperti karnival koperasi, jualan barang terpakai atau jualan barang kitar semula, bazar koperasi semasa hari sukan, '*Car booth*' sales semasa hari anugerah akademik atau semasa konvokesyen dan lain-lain yang berkaitan berdasarkan kreativiti koperasi sekolah.

4.3 Aktiviti Sosial/budaya seperti gotong royong, khidmat masyarakat, lawatan ke rumah anak yatim atau rumah warga emas dan lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti ini.

Laporan yang disediakan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- a. Nama program yang dijalankan,
- b. Tarikh dilaksanakan,
- c. Masa aktiviti/program yang dijalankan,
- d. Tempat aktiviti/program dilaksanakan,
- e. Senarai Nama Ahli Jawatankuasa aktiviti/program,
- f. Kos aktiviti/program,
- g. Impak aktiviti/program,
- h. Gambar-gambar aktiviti/program yang telah dilaksanakan.

Aktiviti pendidikan, ekonomi/keusahawanan dan sosial/kebudayaan adalah aktiviti wajib bagi koperasi sekolah. Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada bilangan setiap aktiviti yang berjaya dilaksanakan. Koperasi boleh melaporkan seberapa banyak aktiviti yang telah dilaksanakan tetapi hendaklah **tidak kurang daripada 3 penglibatan** bagi setiap aktiviti utama.

Bagi tujuan memasyarakatkan koperasi, koperasi sekolah digalakkan untuk melibatkan agensi kerajaan, swasta atau badan-badan NGO sebagai salah satu usaha hubung jalin koperasi sekolah dengan agensi.

Penglibatan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) serta masyarakat setempat sangat digalakkan untuk memastikan peranan koperasi sekolah dapat difahami masyarakat sekeliling.

5.0 SUMBANGAN TABUNG-TABUNG KOPERASI (Markah 10%)

Koperasi sekolah hendaklah mewujudkan tabungan atau Kumpulan Wang Tabung mengikut UUK koperasi. Kewujudan tabung-tabung ini adalah untuk kegunaan aktiviti-aktiviti sekolah dan dipulangkan semula kepada anggota koperasi sekolah. Pemberian markah berdasarkan kepada jumlah tabung yang dilaporkan.

Koperasi sekolah perlu **melaporkan sumbangan bagi setiap tabung koperasi** dan perlu disertakan keterangan ringkas seperti:

- a. Tarikh,
- b. Jumlah Sumbangan,
- c. Impak, Penerima Sumbangan,
- d. Bukti Bergambar.

6.0 KELAB KOPERASI / KEUSAHAWANAN SEKOLAH (Markah 3%)

Penubuhan kelab koperasi / keusahawanan sekolah adalah penting bagi tujuan markah penglibatan murid/pelajar dalam Pentafsiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Sekiranya koperasi sekolah **tiada kelab koperasi / keusahawanan Sekolah**, disarankan untuk koperasi sekolah menubuhkan kelab koperasi yang diletakkan dibawah koperasi sekolah. Penilaian akan mengambil kira aspek seperti berikut:

- 6.1 Carta organisasi kelab koperasi / keusahawanan.
- 6.2 Senarai Jawatankuasa dan bilangan keahlian.
- 6.3 Takwim dan perancangan tahunan.
- 6.4 Mesyuarat agung penubuhan seperti:

- a. Tarikh,
- b. Masa,
- c. Tempat,
- d. Gambar.

7.0 PRODUK KHAS KOPERASI (2023-2024) (Markah 4%)

Koperasi sekolah digalakkan untuk menghasilkan **satu produk koperasi** yang boleh dikembang dan dipasarkan bagi tujuan meningkatkan pendapatan tambahan Koperasi sekolah. Produk khas ini adalah produk kreatif atau produk yang telah diinovasikan. Contoh produk koperasi ialah

Bantal kekabu herba, cili sos madu lebah, bunga kertas bersalut 'straw'.
Penilaian ini akan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

- 7.1** Nama produk,
- 7.2** 4 keping gambar produk,
- 7.3** Penyata akaun produk yang mengandungi maklumat seperti
Jumlah modal, perolehan kasar, keuntungan dan lain-lain
- 7.4** Impak produk kepada Koperasi, warga sekolah dan komuniti

8.0 PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA OLEH KOPERASI SEKOLAH (Markah 5%)

Laporan yang disediakan oleh koperasi sekolah hendaklah memaparkan senarai pengiktirafan koperasi sekolah yang telah diterima. Pengiktirafan diambil kira dari anugerah dan pertandingan yang telah disertai diperingkat **Daerah, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa** mengikut tempoh laporan AKKS 2024. Perkara-perkara yang perlu ada dalam Laporan yang disediakan adalah mengikut kreativiti dan hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:

- 8.1** Nama anugerah,
- 8.2** Tarikh anugerah yang diterima,
- 8.3** Tempat anugerah diterima,
- 8.4** Nama penganjur yang memberi anugerah,
- 8.5** Gambar-gambar anugerah yang diterima.

BAHAGIAN B

1.0 PERAYAAN/SAMBUTAN HARI KOPERASI SEKOLAH (Markah 15%)

Perayaan/Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) ini boleh dilaksanakan semasa perhimpunan mingguan atau bulanan sekolah sepanjang tempoh yang telah ditetapkan secara bersekali/bersama atau kecil-kecilan. Setiap aktiviti yang dilakukan semasa perhimpunan HKS tersebut perlu dilaporkan secara ringkas dan mudah difahami. Pemarkahan adalah berdasarkan perkara berikut:

1.1 Perhimpunan Khas

- 1.1.1 Koperasi sekolah hendaklah mengumpul kesemua murid/pelajar dalam satu perhimpunan khas sama ada di dalam perhimpunan mingguan atau bulanan sekolah.
- 1.1.2 Pengetua/pengerusi koperasi atau ALK perlu memaklumkan tentang perhimpunan serta tujuan diadakan.
- 1.1.3 Pengetua/pengerusi koperasi atau ALK hendaklah menerangkan kepentingan koperasi di sekolah, perkembangan terkini dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Koperasi sekolah.
- 1.1.4 **Pembacaan Perutusan** HKS 2024 Presiden ANGKASA oleh koperator murid.
- 1.1.5 **Nyanyian Lagu Sepakat Membina** hendaklah dimainkan semasa perhimpunan tersebut. (Lagu ini boleh dimuat turun dari laman web ANGKASA; www.angkasa.coop).
- 1.1.6 **Gambar, kos perayaan/sambutan, tarikh, tempat dan impak** hendaklah dinyatakan dalam laporan.

1.2 Aktiviti Tambahan Semasa Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS)

1.2.1 Aktiviti ekonomi

- 1.2.1.1 Nama Aktiviti,
- 1.2.1.2 Impak kepada murid, sekolah dan komuniti

1.2.2 Aktiviti sosial

- 1.2.2.1 Nama Aktiviti,
- 1.2.2.2 Impak kepada murid, sekolah dan komuniti.

1.2.3 Aktiviti budaya

1.2.3.1 Permainan petanque,

1.2.3.2 Impak kepada murid, sekolah dan komuniti.

1.3 Aktiviti Bonus iaitu pengamalan prinsip ke-7 koperasi (Mengambil Berat Terhadap Masyarakat)

Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pihak pengurusan diminta untuk melaksanakan prinsip ke-7 koperasi bagi memastikan amalan prinsip ini dapat dihayati oleh anggota Koperasi sekolah. Oleh itu, pada tahun ini koperasi sekolah diminta untuk **melaksanakan aktiviti penanaman pokok** dikawasan sekitar sekolah bagi menyokong program penanaman sejuta pokok. Penilaian akan dibuat berdasarkan bilangan pokok yang ditanam semasa sambutan HKS dan pokok yang ditanam hendaklah mengikut kateria pokok yang telah ditetapkan.

1.4 Pengiktirafan koperator terbaik Koperasi sekolah dan koperator (murid & guru) terbanyak langganan (pembelian)

Koperasi sekolah juga boleh mengiktiraf koperator melalui anugerah aktiviti-aktiviti tambahan seperti berikut semasa majlis perhimpunan sambutan HKS diadakan. Hadiah dan sijil penghargaan kepada koperator boleh diberikan bagi menghargai komitmen dan prestasi cemerlang mereka sepanjang penglibatan dalam koperasi sekolah. Pengiktirafan ini bolehlah diberikan kepada:

1.4.1 ALK guru terbaik.

1.4.2 ALK murid terbaik.

1.4.3 Koperator tertinggi langganan di koperasi sekolah.

2.0 PENGLIBATAN KOPERASI SEKOLAH BERSAMA JARINGAN PERNIAGAAN ANGKASA (Markah 10%)

Koperasi sekolah diminta untuk melaporkan penglibatan koperasi sekolah dalam jaringan perniagaan ANGKASA. Laporan ini memerlukan koperasi sekolah mengemukakan penglibatan koperasi sekolah sepanjang tempoh pelaksanaan laporan (**Jika ada**):

2.1 BA100

2.1.1 Tarikh mendaftar

2.1.2 Jumlah pembelian menerusi jimatbiz yang telah dibuat

2.1.3 Jumlah Jualan

2.2 Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA)

2.2.1 Koperasi sekolah dikehendaki untuk mendaftar dan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Agung Tahunan KOPSYA.

2.2.2 Gambar bukti menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan KOPSYA.

2.3 Yayasan Infaq ANGKASA

2.3.1 Jumlah sumbangan yang dibuat oleh koperasi sekolah.

2.3.2 Jumlah sumbangan yang dibuat oleh anggota.

2.4 Yayasan ANGKASA

2.4.1 Jumlah sumbangan yang dibuat oleh koperasi sekolah.

2.4.2 Jumlah sumbangan yang dibuat oleh anggota.

2.5 Pembekal ANGKASA

2.5.1 Nama pembekal

2.5.2 Penglibatan koperasi sekolah dengan pembekal ANGKASA

2.6 Lain-lain penglibatan dalam jaringan perniagaan ANGKASA

Laporan yang disediakan dalam **item 2.1 sehingga 2.6** memerlukan koperasi sekolah mengemukakan bukti penglibatan. Laporan hendaklah ringkas dan jelas bagi tujuan penilaian.

3.0 PENGLIBATAN KOPERASI SEKOLAH DALAM PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA (Markah 10%)

Koperasi sekolah digalakkan untuk menyertai program penghijauan Malaysia bagi menyokong usaha ANGKASA melestarikan alam sekitar. Program ini selari dengan prinsip koperasi yang ke-7.

Penilaian ini akan mengambil kira **jumlah pokok** yang ditanam sepanjang tempoh pelaksanaan AKKS 2024 mengikut kategoria pokok yang telah diterangkan sebelum ini. Pokok yang ditanam mengikut kempen ini adalah meliputi semua jenis pokok yang merupakan **tumbuhan berkayu yang mempunyai akar, batang, dahan dan daun**.

BORANG PENGESAHAN DAN LAPORAN AKKS 2024

Borang pengesahan USE-AKKS/24 dan laporan AKKS hendaklah diisi dengan lengkap serta dikepilkan bersekali dengan laporan AKKS di muka surat hadapan dan dihantar ke ANGKASA (Ibu Pejabat) **pada atau sebelum 10 September 2024 (Jumaat) 4.30 petang**. Borang ini bolehlah dimuat turun dari laman web ANGKASA; www.angkasa.coop.

PENILAIAN LAPORAN AKKS 2024

Penilaian akan dibuat berdasarkan format yang terkandung dalam setiap bahagian. **Jawatankuasa Penilai** adalah terdiri daripada:

- ✓ Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- ✓ Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- ✓ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
- ✓ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- ✓ Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- ✓ Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- ✓ Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)
- ✓ Dan Lain-Lain Agensi yang berkaitan

Keputusan yang dibuat oleh **Jawatankuasa Penilai** adalah **MUKTAMAD**.

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA

PEMBENTANGAN (Jika perlu)

Pembentangan akan dilakukan sekiranya koperasi sekolah berjaya melepasi saringan peringkat pertama. Masa pembentangan adalah tidak lebih dari 45 minit secara fizikal atau secara maya (*zoom meeting*). Penilai bagi peringkat kedua ini akan dilakukan oleh Wakil Kementerian Pendidikan, Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional dan Majlis Amanah Rakyat dan pihak ANGKASA.

PENILAIAN PERINGKAT KETIGA

LAWATAN PENGESAHAN

Peringkat ketiga adalah proses pengesahan setelah pembentangan dilakukan. Pihak ANGKASA akan membuat lawatan ke koperasi yang berjaya dan terpilih mengikut markah tertinggi bagi memastikan laporan dan pembentangan yang telah dibuat adalah benar. Sekiranya maklumat yang diberikan adalah tidak benar, maka penganjur berhak untuk menggugurkan koperasi sekolah

berkenaan dan digantikan dengan calon koperasi sekolah lain berdasarkan markah tertinggi seterusnya.

Nota : Sebarang perubahan kepada bentuk penilaian akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

PERTANYAAN

Sebarang bentuk pertanyaan yang berkaitan dengan AKKS 2024 bolehlah diutarakan kepada Unit Sekolah, Seksyen Sekolah, IPT Dan Belia, ANGKASA di talian telefon:

03-74548249 / 03-74548265

E-mel: ssib.angkasa@gmail.com

PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN AKKS 2024

Koperasi sekolah disarankan untuk melibatkan komuniti setempat dalam aktiviti yang dilaksanakan. Antara pihak–pihak yang terlibat adalah:

- ✓ Koperasi Sekolah berdekatan;
- ✓ Koperasi Dewasa;
- ✓ Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG);
- ✓ Masyarakat setempat;
- ✓ Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- ✓ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN);
- ✓ Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
- ✓ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- ✓ Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- ✓ Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN);
- ✓ Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- ✓ Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV);
- ✓ Lain – lain Agensi yang berkaitan.

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN

- a) Penyediaan laporan hendaklah mengikut format yang telah ditetapkan di dalam garis panduan.
- b) Penyediaan laporan adalah **bebas dan tiada had muka surat**. Walau bagaimanapun, sekiranya koperasi sekolah layak untuk ke peringkat kedua, laporan yang disediakan hendaklah boleh dibentangkan dalam jangkamasa 30 ke 45 minit.

- c) Koperasi boleh melaporkan tiga (3) gambar sahaja bagi setiap satu (1) aktiviti sahaja.
- d) Setiap gambar perlu diterangkan **secara ringkas** dan **mudah difahami** mengikut keperluan.
- e) Risalah, pamflet atau bahan-bahan bercetak daripada agensi luar **tidak perlu dilampirkan** contohnya risalah pencegahan jenayah, derma darah, promosi, peraturan, syarat-syarat dan sebagainya.
- f) Bahan-bahan atau maklumat yang telah diberikan oleh ANGKASA kepada koperasi sekolah seperti Garis Panduan AKKS 2024 dan lain-lain **tidak perlu dilampirkan**.
- g) **Laporan harus dicetak (*hardcopy*) dan** hendaklah diserahkan kepada **Ibu Pejabat ANGKASA, Kelana Jaya, Selangor** seperti alamat di bawah **pada atau pada atau sebelum 10 September 2024 (Jumaat) 4.30 petang**. Penghantaran selepas daripada tarikh dan masa di atas tidak akan dinilai.
- h) Koperasi sekolah juga perlu mengisi **Google Forms** dan disertakan dengan link/pautan Laporan AKKS 2024 yang telah dikongsikan dengan ssib.angkasa@gmail.com sebagai sokongan (*back up*) terhadap laporan yang dihantar. Pautan **Google Forms AKKS 2024** boleh didapati di <https://bit.ly/AKKS2024> atau menerusi *kod QR* dibawah:

HADIAH PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN 2024

Pemenang peringkat negeri dan kebangsaan akan dipilih oleh Jawatankuasa Penilai berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Pemenang bagi setiap peringkat akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dengan melihat jumlah penyertaan setelah tamat tarikh tutup penghantaran laporan.

KATEGORI HADIAH PERINGKAT KEBANGSAAN AKKS 2024

Kategori Hadiah Peringkat Kebangsaan AKKS 2024 adalah seperti berikut:

- ✓ Koperasi sekolah terbaik
- ✓ Perniagaan koperasi sekolah terbaik
- ✓ Pengerusi koperasi terbaik
- ✓ Guru pembimbing koperasi terbaik
- ✓ Ikon koperator (murid/pelajar) koperasi sekolah terbaik
- ✓ Lain-lain anugerah khas

Anugerah khas juga akan disampaikan semasa peringkat kebangsaan dan pemenang akan diumumkan semasa Majlis AKKS 2024 Peringkat Kebangsaan.

HAL-HAL LAIN

Sijil penyertaan AKKS 2024 akan diberikan kepada koperasi sekolah yang telah menghantar laporan AKKS 2024.

Tiada sumbangan saguhati berbentuk kewangan diberikan kepada koperasi sekolah yang menghantar laporan. Harap Maklum.

FALSAFAH KOPERASI BEKERJA BERSAMA-SAMA DEMI MANFAAT BERSAMA

Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
WISMA UNGKU A. AZIZ,
JALAN SS 6/1, KELANA JAYA,
47301 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN**

**(U/P: UNIT SEKOLAH,
SEKSYEN SEKOLAH, IPT DAN BELIA,
BAHAGIAN KOPERASI BERSASAR,
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI)**

Senarai Pegawai Unit Sekolah (USE)

BIL	NAMA	NO. TEL BIMBIT	E-MEL
1	En. Hasbullah Hamdin	012-2427233	ssib.angkasa@gmail.com
2	En. Muhammad Hafifi Bin Hamdan	012-4646231	
3	Cik Noor Azlina Binti Sharif	017-6525924	
4	Cik Siti Nadratun Farhana Binti Mohd Hatta	017-2779916	
5	Samsul Bin Sarraji	016-4079410	